

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	31 MARCH 2015

PM ingatkan jawab setiap persoalan rakyat tentang GST

um - 31/3/2015

KUALA LUMPUR 30 Mac - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengadakan pertemuan dengan kakitangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) di Kompleks JKDM di sini bagi meninjau persiapan akhir jabatan itu menjelang pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) Rabu ini.

Beliau yang hadir sempena program *walkabout* turut melancarkan buku bertajuk Soalan Yang Selalu Ditanya Mengenai GST (FAQ GST) dan Pusat Akses Pembayar Cukai GST (TAP GST) yang akan dimuat naik di laman www.gst.custom.my untuk kemudahan orang ramai selepas ini.

Yang turut mengiringi beliau adalah Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan.

Sementara itu, Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri Khazali Ahmad berkata, dalam pertemuan itu, Perdana Menteri mengingatkan setiap kakitangan JKDM supaya bekerja dengan penuh profesional dan melakukan yang terbaik untuk menjawab setiap persoalan yang timbul mengenai GST.

"Amanat beliau adalah supaya pegawai bekerja dengan profesional dalam menjawab pertanyaan oleh rakyat, memberi nasihat dan buat kerja yang boleh membantu sektor perniagaan terutamanya dalam mengendalikan urusan perniagaan mereka.

"Jadi, apabila Perdana Menteri datang, ini membangkitkan semangat pegawai-pegawai kita untuk bekerja lebih gigih lagi terutamanya dalam memastikan pelaksanaan GST berjalan lancar," katanya dalam sidang akhbar selepas pertemuan itu.

Menurut Khazali, JKDM turut melancarkan video multimedia mengenai cara-cara mengemukakan penyata dan bayaran GST yang dapat membantu peniaga apabila tiba tempoh percukaian kelak.

"Video ini membantu mereka

Amanat beliau adalah supaya pegawai bekerja dengan profesional dalam menjawab pertanyaan oleh rakyat, memberi nasihat dan buat kerja yang boleh membantu sektor perniagaan terutamanya dalam mengendalikan urusan perniagaan mereka."

KHAZALI AHMAD
Ketua Pengarah JKDM

yang perlu mengemukakan penyata bermula 1 Mei depan dan panduan bagaimana menuntut kembali cukai kredit input yang telah disediakan daripada JKDM," katanya.

Khazali berkata, meskipun JKDM telah bersedia sepenuhnya dalam melaksanakan GST, pihaknya tetap melakukan beberapa penambahbaikan di pejabat-pejabat jabatan itu untuk memastikan segala pertanyaan orang ramai dapat dijawab.

Jelasnya, di Kompleks JKDM, 10 lagi pusat bantuan operator dibuka yang akan beroperasi bermula pukul 8.30 pagi hingga 10 malam setiap hari manakala di pejabat JKDM setiap negeri, sekurang-kurangnya satu khidmat bantuan operator baharu ditambah.

Dalam pada itu tambahnya, proses pengambilan sebanyak 1,600 kakitangan JKDM baharu yang telah diluluskan kerajaan masih diteruskan dengan sebanyak 800 daripadanya akan diambil dalam tempoh tiga bulan akan datang.